



**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (BPKU), Sijil Pendaftaran SSM dan Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) dalam tahun 2025 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	HARGA BORANG SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH BORANG DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki Dan Lampu Jalan LED Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Ahmad Shah Dan Jalan Tok Muda Awang Ngah, MP Temerloh (MPT:S-6/2025)	RM150.00	Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh 24.4.2025-6.5.2025 (Pada waktu pejabat)	Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	Tiada	7.5.2025 (Rabu) Jam 12.00 tengahari

2. Borang Sebutharga boleh disemak di Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh, waktu pejabat bermula 24.4.2025 (Khamis)
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan borang sebutharga dengan hadir sendiri serta membawa Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (BPKU), Sijil Pendaftaran SSM dan satu salinan sijil-sijil tersebut berserta nombor telefon yang boleh dihubungi semasa membeli borang sebutharga.
4. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh**. Bayaran ini tidak dikembalikan.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis tajuk kerja di sudut kiri atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh** pada **7.5.2025 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
6. Sebarang kelewatan menghantar borang sebutharga **melebihi jam 12.00 tengahari** tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(HARIS FATHILAH BIN MOHD HAJAR, AMP.)

Pengarah Jabatan Kejuruteraan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Temerloh.

- s.k i) Tuan Yang Dipertua, MPT - Untuk makluman
ii) Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam - Untuk diiklankan ke dalam Facebook MPT

Bertarikh : 23 April 2025

(Iklan ini merupakan cetakan komputer dan tidak perlukan tandatangan)